

CNS9190

U GB 01-10 00156 BD102

bah

Mahathir-Politik

TIDAK ADA PERUBAHAN DALAM SISTEM POLITIK MALAYSIA, KATA MAHATHIR
Daripada Salmy Hashim

I

NEW YORK, 1 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kepada ahli-ahli perniagaan Amerika Syarikat bahawa sistem politik atau ideologi Malaysia tidak akan berubah apabila tiba masanya untuk pertukaran pucuk pimpinan.

"Apabila masanya tiba untuk pertukaran, saya pasti pertukaran itu tidak akan mengganggu kemajuan dalam negara," katanya kepada anggota Majlis Amerika Syarikat-Asean pada jamuan malam di sini.

Malaysia, yang diperintah oleh parti yang sama sejak kemerdekaan, telah mempunyai empat Perdana Menteri, termasuk dirinya, "dan perubahan telah berlaku tanpa sebarang masalah atau gangguan," katanya semasa satu sesi dialog.

"Jadi tak usahlah bimbang mengenai perubahan politik... kami mempunyai pemimpin yang akan terus menerima pelabur-pelabur asing," tambah beliau dengan disambut tepukan gemuruh.

Jamuan malam itu dihadiri lebih 100 ahli perniagaan dan pegawai kanan Amerika Syarikat. -- Lagi

▼01/10/14-55MST

CNS9194

U GB 01-10 00132 BD103

bah

Mahathir-Politik 2 New York

Mereka termasuk Timbalan Setiausaha Negara Clifton Wharton dan Penolong Setiausaha Negara bagi Asia Timur dan Pasifik Winston Lord. Yang turut hadir ialah bekas Wakil Perdagangan Amerika Syarikat Carla Hills.

Menyentuh mengenai kumpulan perdagangan serantau, Dr Mahathir berharap Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) tidak akan "diubah dan menjadi sebuah blok perdagangan" bagi melindungi anggotanya dengan keistimewaan tertentu.

Beliau berkata Malaysia, sebagai sebuah negara yang telah berdagang sejak 1,800 tahun lalu, tidak kisah mengenai persaingan selagi ia adil kerana "terdapat ketika apabila kita memerlukan keistimewaan GSP."

Terdahulu itu, dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata terdapat "satu kecenderungan di Amerika Syarikat untuk mengaitkan perdagangan dengan isu-isu bukan perdagangan" seperti hak asasi manusia, amalan buruh, alam sekitar dan dasar ekonomi. -- Lagi

▼01/10/15-14MST

CNS9199

U GB 01-10 00117 BD104

bah

Mahathir-Politik 3 New York

"Kesan daripada penelitian isu-isu itu ialah untuk menyekat perdagangan," katanya.

Malaysia, yang pada masa ini menikmati keistimewaan GSP, telah menghadapi ancaman penarikan balik keistimewaan itu kerana kononnya negara ini menyekat kebebasan kesatuan pekerja dalam industri elektronik.

Dr Mahathir mendakwa bahawa kesatuan-kesatuan kebangsaan yang berpengaruh pernah menghancurkan ekonomi negara-negara maju.

"Dan apabila ekonomi itu dihancurkan, para pekerja yang menderita," katanya.

Di samping itu, katanya, bahaya daripada kesatuan sekerja dalaman adalah kecil kerana ia melibatkan hanya syarikat-syarikat terbabit ketika melindungi kepentingan para pekerja.

"Kita tidak boleh membenarkan kritikan terhadap undang-undang dan dasar kita oleh orang luar menjejaskan dan mengugat kita," katanya. -- Lagi

01/10/15-32MST

CNS9207

U GB 01-10 00103 BD105

bah

Mahathir-Politik 4 (Akhir) New York

"Untuk menjadi dinamik dan makmur kita perlu membentuk dasar dan stail pentadbiran mengikut keadaan tempatan," katanya.

Dr Mahathir juga menggesa ahli-ahli perniagaan Amerika, terutama industri kecil dan sederhana, supaya melabur di Malaysia.

"...adalah mengecewakan bahawa selain daripada sektor petroleum dan elektronik, hanya terdapat beberapa pelaburan besar oleh ahli-ahli perniagaan Amerika," katanya.

Malaysia mendapat lebih banyak pelaburan dari Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan Singapura berbanding dari Amerika Syarikat, kata Dr Mahathir, yang disifatkan oleh ahli-ahli perniagaan Amerika sebagai "seorang jurujual yang cekap" bagi Malaysia. -- Bernama

SAL AKD